

29/08/2003

Great Eastern taja 460 pemain harmonika

KUALA LUMPUR: Kira-kira 460 pemain alat muzik harmonika akan membuat persembahan ketika sambutan Ambang Kemerdekaan ke-46 pada Sabtu ini yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka.

Kumpulan pemuzik tajaan syarikat insurans Great Eastern itu adalah persembahan berkumpulan terbesar pemuzik harmonika yang akan membuat persembahan lagu patriotik selama 15 minit.

Kumpulan berkenaan akan diketuai pemain harmonika terkenal, Chong Ah Kow.

Great Eastern dalam satu kenyataan berkata, ia gembira dapat menunjukkan semangat patriotik syarikat berkenaan kepada negara.

Timbalan Presiden Eksekutif dan Ketua Operasi Teknologi Maklumat & Perancangan Strategik, Kong Kim Yihe, berkata penajaan persembahan harmonika itu adalah satu cara menunjukkan perasaan cinta kepada Malaysia.

"Sebagai syarikat insurans terkemuka negara, ia adalah cara kami menyokong usaha masyarakat dan menerapkan perpaduan nasional melalui muzik.

"Kita akan lihat ketika sambutan Ambang Merdeka nanti, kumpulan pemain harmonika akan menarik minat rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan," katanya.